

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

World Of Compassion -
WORLD #QuranHour
 ... a beginning
 24 RAMADAN 1442H / 6 MAY 2021

LIVE ^{HD} Tazkirah Ramadhan :
 Andainya Ini Ramadhan Terakhir
 UiTM Cawangan S. Alam **m/s 6**

LIVE ^{HD} Perlembagaan Persekutuan
 Dan Rukun Negara
 UiTM Cawangan Shah Alam **m/s 7**

LIVE ^{HD} Nasib Si Penyu
 Di Pantai Ganu UiTM
 Cawangan Terengganu **m/s 13**

Majlis Khatam Al-Quran dan
 Bacaan Surah Al-Mulk UiTM
 Cawangan Sarawak **m/s 26**

Sesi Chat Time PTAR 2021 bersama
 Penolong Rektor UiTM
 Cawangan Negeri Sembilan **m/s 15**



Untuk menonton
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung sempena bulan Ramadan dalam segemen Wacana Ilmu yang bertajuk Tazkirah Ramadhan: Andai Ini Ramadhan Terakhir. Program ini dikendalikan oleh Muhammad Saiful Alizan Nordin, Pensyarah di Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah UiTM Shah Alam dan selaku moderator bersama dengan penal jemputan, Profesor Madya Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah. Program dimulakan dengan pengenalan latar belakang, pendidikan serta kerjaya Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah dan beliau juga merupakan insan pilihan Allah yang telah memeluk agama islam ketika usia remaja. Pada awal program, penceramah telah berkongsi pengalaman semasa memeluk agama islam iaitu mempelajari ilmu agama islam, solat, berpuasa dan membaca kisah-kisah Nabi dan para sahabat. Selain itu, beliau juga menceritakan pengalaman kali pertama berpuasa di bulan Ramadan yang penuh cabaran namun tetap gembira kerana niat yang murni beliau mendekatkan diri untuk mengenali Allah SWT.

Berpuasa dalam norma baharu akibat pandemik Covid-19 yang menular di negara ini merupakan perkara baru buat umat islam di negara ini dan menjadikan umat islam lebih bersikap matang dalam menghadapinya. Sepanjang menyambut Ramadan dalam keadaan seperti ini, telah mewajibkan masyarakat mematuhi SOP (Prosedur Operasi Standard) dan persiapan dalam melakukan ibadah solat sunat tarawih di rumah adalah satu perkara baru. Kebaikan daripada itu, umat islam dapat mengulang kaji semula dan mengemaskan bacaan surah-surah lazim dalam Al-Quran untuk dibaca dalam solat sunat tarawih. Di samping itu, berpuasa dalam norma baharu telah mewajibkan pemakaian pelitup mulut dan hidung, orang ramai perlu mengimbas kod QR yang disediakan, mengamalkan penjarakan sosial ketika berada di tempat awam terutamanya ketika membeli juadah di bazar Ramadan. Hal ini secara tidak langsung mengajar kita menjadi lebih berdisiplin dan berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara setiap hari.

Dalam pada itu, penceramah juga menekankan 4 perkara 'taqwa' sebagai 'Key Performance Indicator' dalam melakukan ibadah puasa iaitu takut kepada Allah SWT yang menjadikan individu itu ingin memperbanyakkan amalan baik dan meninggalkan perkara buruk. Kedua, sentiasa bersyukur kepada Allah SWT atas nikmat yang diberikan walaupun pemberian itu sedikit sebenarnya ia mengajar manusia untuk sentiasa meminta pertolongan kepada Allah tanpa rasa jemu dengan penuh rendah diri. Ketiga, beramal dengan Al-Quran kerana ia akan memberi syafaat kepada umat islam pada hari akhirat. Keempat, bersiap sedia untuk bertemu dengan Allah SWT dengan amalan-amalan baik yang diterima Allah SWT. Natijahnya, berpuasa di bulan Ramadan dalam norma baharu telah mengubah kehidupan seluruh masyarakat di dunia dalam menghadapi pelbagai situasi. Penceramah menyeru masyarakat supaya memperbanyakkan amalan terutama di bulan Ramadan dan setiap hari demi kesejahteraan ummah. Penceramah juga berharap semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada seluruh masyarakat khususnya kepada warga UiTM.